



KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI MANGSA BENCANA DI PENEMPATAN SEMULA KOMUNITI MANGSA BENCANA BANJIR

(Psychological Well-Being of Disaster Victims at Flood Victims Community Relocation)

Che Su Mustaffa^{1*}, Mohamad Sukeri Khalid²

¹Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

²Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

*Corresponding Author Email: chesu402@uum.edu.my

Received: 20 October 2020 • Accepted: 27 October 2021 • Published: 31 October 2021

Abstract

Disasters have had an impact on the psychological well-being of victims for a long period of time. Past research related to the psychological well-being of disaster victims shows the negative and positive psychological well-being experienced by victims even though actions have been taken by certain parties in helping disaster victims. Flooding is a natural disaster that often occurs in Malaysia. Major floods that occurred in 2014 in several states in Malaysia, especially on the east coast, have resulted in certain parties taking action to move disaster victims to new resettlement to avoid repeated tragedies. Thus, the present study was conducted to identify the level of psychological well-being of disaster victims in the relocation area. The study was conducted using a qualitative design where data collection was done through interview methods. A total of 23 informants were interviewed using an interview protocol formed based on previous theories and studies. Data is analyzed using thematic analysis. The results found that stress, sadness and anxiety are elements of negative psychological well-being that informants feel when recalling these events. This negative element is balanced with the positive element of gratitude, acceptance and social support received. This study contributes to the theories of psychological well-being by the addition of acceptance and grateful as a new dimension. The results of this study also contributed to strengthen policies in relation to the importance of intervention from the psychological aspect provided to disaster victims.

Keywords: Psychological effects, Natural disaster, Floods, Relocation of flood victims, Qualitative research

Abstrak

Bencana mendatangkan kesan terhadap kesejahteraan psikologi mangsa untuk satu tempoh masa yang agak panjang. Penelitian berkaitan kesejahteraan psikologi mangsa bencana menunjukkan kesejahteraan psikologi secara negatif dan positif dialami oleh mangsa meskipun tindakan telah diambil oleh pihak tertentu dalam membantu mangsa bencana. Banjir adalah merupakan bencana alam yang seringkali terjadi di Malaysia. Banjir besar yang dialami pada tahun 2014 di beberapa buah negeri di Malaysia terutama di pantai timur telah mengakibatkan pihak-pihak tertentu mengambil tindakan untuk memindahkan mangsa bencana ke penempatan semula bagi mengelak tragedi ini berulang. Lantaran itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi mangsa bencana di kawasan penempatan semula. Kajian ini dilakukan menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu pengumpulan data melalui kaedah temubual. Sejumlah 23 orang informan telah ditemubual menggunakan protokol temubual yang dibentuk berdasarkan teori dan kajian lepas. Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati tekanan, kesedihan dan kebimbangan adalah merupakan elemen kesejahteraan psikologi negatif yang dirasakan oleh informan ketika mengenangkan peristiwa berkenaan. Elemen negatif ini diseimbangkan dengan elemen positif iaitu syukur, redha dan sokongan sosial yang diterima. Kajian ini menyumbang kepada teori psikologi iaitu Teori Kesejahteraan Psikologi, Teori Penentuan Diri dan Teori Modal Insan dengan menyumbang kepada penambahan redha dan bersyukur sebagai dimensi baru. Hasil kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan polisi berkaitan dengan kepentingan intervensi dari aspek psikologi diberikan kepada mangsa bencana.

Kata kunci: Kesan psikologikal, Bencana alam, Penempatan mangsa banjir, Kajian kualitatif

Cite as: Mustaffa, C. H., Khalid, M. S. (2021). Psychological Well-being of Disaster Victims at Flood Victims Community Relocation. *Asian People Journal*, 4(2), 127-144.

PENGENALAN

Bencana ditakrifkan sebagai insiden yang berlaku secara tiba-tiba, bersifat kompleks, mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti harian masyarakat setempat. Pengurusan bencana memerlukan pengendalian sumber, peralatan dan penyelarasan tenaga kerja daripada pelbagai agensi yang berkesan dalam tempoh yang agak lama. Ini kerana kejadian bencana mendatangkan kesan dari segi fizikal dan psikologi traumatik jangka panjang dalam kalangan mangsa (Noremy, 2020; Che Su et al., 2018). Dalam keadaan tertentu, mangsa terpaksa dipindahkan dari tempat terjadinya bencana ke satu tempat yang baru iaitu penempatan semula bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih selesa serta mengelakkan dari mengalami bencana yang sering berulang.

Malaysia adalah merupakan antara negara yang mengalami bencana banjir pada setiap tahun. Fenomena banjir ini terjadi adalah kerana faktor alam semula jadi dan juga pembangunan yang tidak terkawal. Salah satu tragedi bencana banjir yang paling besar dalam sejarah negara ialah banjir besar yang melanda pada Disember 2014 terutamanya di Negeri Kelantan yang menyaksikan kemusnahan harta benda dan rumah kediaman mangsa banjir. Dalam peristiwa berkenaan, hampir semua jajahan di negeri Kelantan terjejas sehingga menyebabkan lebih 120,000 orang mangsa banjir terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan yang disediakan. Seramai 11 orang

mangsa terkorban dan dianggarkan sejumlah 2374 rumah musnah sepenuhnya di samping kemusnahan dan kerosakan alam sekitar, bangunan dan aset kerajaan serta infrastruktur. Kesannya, kerajaan terpaksa menanggung kerugian dan kerosakan yang dianggarkan melebihi satu bilion ringgit Malaysia (Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, 2015). Data berkaitan intervensi krisis dan psikologi sokongan yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mendapati sejumlah 14,9995 kanak-kanak dan 289 orang dewasa mengalami kemurungan dan trauma akibat banjir di Malaysia (Rohani, 2015).

Selain bertindak untuk membangunkan semula kawasan yang terjejas akibat banjir, antara cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan adalah mengembalikan semula keyakinan mangsa banjir untuk membina kehidupan baru selepas banjir terutama mereka yang mengalami kehilangan rumah dan harta benda sepenuhnya. Ketika bencana, mangsa yang terlibat terpaksa mendiami khemah-khemah sementara dan bagi yang bernasib baik, dapat mendiami rumah transit yang disumbangkan oleh pelbagai pihak. Kerjasama yang erat daripada pihak kerajaan, badan-badan bukan bermotifkan keuntungan (NGO) dan orang ramai akhirnya memungkinkan penempatan semula dibangunkan secara berperingkat dan agihan perumahan penempatan semula adalah berdasarkan keupayaan projek pembangunan yang dijalankan. Di Negeri Kelantan, penempatan semula ini dibiayai oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga pihak NGO yang melibatkan beberapa perkara seperti kewangan bagi tujuan pembiayaan, pemilikan tanah dan sebagainya perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sesuatu projek penempatan semula dapat dibangunkan.

Namun begitu, meskipun tindakan telah diambil bagi membantu mengurangkan bebanan mangsa bencana, aspek pembangunan fizikal perlu diseimbangkan dengan kesejahteraan psikologi mangsa bencana. Isu berkaitan dengan kesejahteraan psikologi mangsa bencana merupakan isu yang wajar diteliti dan ditangani kerana meskipun terdapat penstrukturan semula dan peningkatan infrastruktur, masyarakat mungkin terus menderita jika keperluan psikologi mereka tidak ditangani (Noremy, 2020). Lantaran itu, salah satu agenda utama pasca banjir yang sepatutnya dikaji dengan lebih lanjut ialah kesejahteraan psikologi mangsa banjir jangka panjang (Dai et. al., 2017; Misund et al., 2013; Neria, 2010). Kajian berkaitan dengan kesejahteraan psikologi telah mendapat perhatian ramai penyelidik dalam pelbagai bidang dan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, termasuklah turut dikaji dalam isu bencana seperti banjir (Leon et al., 2007).

Terdapat pelbagai kaedah kajian yang digunakan bagi mengenal pasti kesan kesejahteraan psikologi mangsa bencana, namun kajian lepas yang menggunakan kaedah kualitatif masih sedikit dan kurang jelas akan dapatannya (Few et al., 2004). Vardoulakis et al. (2015) menyatakan kekurangan hasil kajian kesihatan psikologi dan fizikal dalam konteks kajian banjir menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan data yang lengkap dan mengakibatkan kepelbagaian kesan kesihatan mangsa banjir tidak dapat dikenal pasti (Few et al., 2004; Hajat et al., 2005; Vardoulakis et al., 2015), sedangkan bencana mempunyai kesan negatif yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi mangsa (Leon et al., 2007). Oleh itu, kekurangan yang telah dikenal pasti telah menyebabkan wujudnya keperluan kepelbagaian data kajian bencana berdasarkan kaedah kualitatif. Lantaran itu, kajian yang dilakukan ini dapat menambahkan data kualitatif bagi membolehkan ubah kesejahteraan psikologi dalam konteks bencana banjir di Malaysia.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kajian yang dijalankan bagi mengisi jurang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi mangsa bencana seperti yang dicadangkan oleh Dai et. al. (2017); Misund (2011), Neria (2010) dan lain-lain lagi tetapi memfokuskan kepada mangsa bencana yang berpindah ke kawasan penempatan semula di Malaysia. Kajian ini merupakan lanjutan terhadap kajian terdahulu berkaitan pengurusan bencana banjir

dari perspektif kesejahteraan mangsa banjir yang perlu ditangani sejajar dengan bantuan fizikal yang diberikan oleh berbagai pihak seperti penempatan semula mangsa bencana. Kesejahteraan psikologi mangsa bencana adalah penting terutama apabila mangsa yang terlibat telah kehilangan harta benda dan terpaksa berpindah ke tempat yang baru. Situasi ini memerlukan mangsa melalui proses penyesuaian dengan situasi yang baru dan mengambil masa yang agak lama untuk menyesuaikan diri mereka secara mental dan fizikal. Bahagian berikutnya membincangkan tentang kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dan kajian tentang bencana.

Kesejahteraan Psikologi

Sejarah kajian berkaitan kesejahteraan psikologi bermula pada tahun 1960an yang ditakrifkan sebagai keadaan kesihatan mental individu yang baik dan dapat menjalani kehidupan dengan gembira setelah melalui peristiwa buruk yang berlaku dalam hidup mereka (Bradburn, 1969; Schulz, 1976; Diener & Seligman, 2002). Kajian kesejahteraan psikologi dilihat sebagai indikator untuk diluaskan konsepnya kepada pelbagai bidang dan pengkaji lepas sering mengkaji faktor yang meningkatkan atau menurunkan kesejahteraan psikologi individu sehinggakan istilah kesejahteraan mental boleh diguna pakai bagi melambangkan konsep kesejahteraan psikologi (Warr, Cook, & Wall, 1979). Tiga tokoh terkemuka dalam kajian kesejahteraan psikologi yang sering menjadi rujukan para sarjana kini iaitu Norman M. Bradburn yang mengemukakan Teori Kesejahteraan Psikologi Bradburn (1969), Carol D. Ryff dengan Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff (1989), serta Richard M. Ryan dan Edward L. Deci mengemukakan Teori Penentuan Diri (Ryan & Deci, 2000).

Pada awalnya, Bradburn (1969) telah mengaitkan konsep kesejahteraan psikologi dengan kegembiraan. Kesejahteraan psikologi sering dikaji sebagai pemboleh ubah bersandar kerana perasaan gembira merupakan antara indikator kesejahteraan psikologi dan faktor kegembiraan merupakan pencapaian terbaik bagi kesihatan psikologi individu (Bradburn, 1969; Taylor & Brown, 1988). Teori Kesejahteraan Psikologi Bradburn mempunyai dua dimensi iaitu kesan positif dan kesan negatif. Teori ini mengandaikan bahawa lebih tinggi tahap kesejahteraan psikologi individu, maka ia melambangkan kesan positif terhadap individu tersebut, namun sebaliknya jika tahap kesejahteraan psikologi yang rendah melambangkan kesan negatif (Bradburn, 1969).

Seterusnya, Ryff (1989) mengatakan individu yang mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi adalah individu yang merasa puas dengan hidupnya, mempunyai emosi yang positif, mampu mengharungi peristiwa buruk, memiliki hubungan yang positif dengan orang lain, mampu menentukan nasibnya sendiri tanpa bergantung dengan orang lain dan mampu merubah diri ke arah yang lebih baik. Kesejahteraan psikologi merupakan perkembangan potensi sebenar individu yang merupakan hasil pencapaian kehidupan yang baik (Ryff & Singer, 2008). Hasil daripada konsep yang diketengahkan, Ryff (1989) telah membangunkan Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff yang mempunyai enam dimensi iaitu penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan lingkungan, tujuan hidup, dan pertumbuhan peribadi. Setiap dimensi yang dikemukakan mempunyai cabaran yang berbeza untuk mengenal pasti fungsi positif dalam diri individu (Keyes, Shmotkin, & Ryff, 2002).

Ryan dan Deci (2000) juga percaya bahawa motivasi dapat memenuhi keperluan psikologi iaitu keperluan autonomi yang dapat membuatkan individu berasa bebas, kecekapan yang membuatkan individu lebih efektif dalam hubungan dengan orang lain agar individu merasa disayangi serta diberi perhatian. Ryan dan Deci (2000) membangunkan Teori Penentuan Diri yang mengandaikan keperluan psikologi penting dalam diri setiap individu yang memberi tumpuan kepada tingkah laku dari segi motivasi, perkembangan personaliti dan kesejahteraan. Individu yang mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi kelihatan mempunyai personaliti dan

keyakinan yang lebih menarik dan mempunyai emosi yang positif. Walaubagaimana pun, emosi negatif merupakan kesejahteraan psikologi individu yang terjejas apabila mengalami tekanan emosi yang tinggi pada jangka masa lama (Huppert, 2009).

Gejala psikologi negatif yang telah menimpa mangsa bencana banjir telah dikenal pasti misalnya dalam kajian oleh Phifer dan Norris (1989) mendapati gejala psikologi negatif yang dihadapi mangsa banjir ialah tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Kajian adalah berdasarkan bencana banjir besar di Kentucky yang menyebabkan isi rumah terpaksa berpindah kerana kehilangan tempat tinggal. Mangsa yang terlibat mengalami gejala tekanan psikologi disebabkan berada di bawah paras kemiskinan, tinggal di kawasan yang rendah, mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan kadar pengangguran yang tinggi. Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Ahern, Kovats, Wilkinson, Few dan Matthies (2005) yang berpendapat gejala negatif akibat banjir seperti tekanan, kebimbangan dan kemurungan merupakan kesan jangka masa panjang terhadap mangsa, namun kurang diberi perhatian oleh pihak berkuasa, sedangkan menurut McFarlane dan Williams (2012) pihak berkuasa perlu mengambil pengajaran setiap kali berlakunya bencana bagi membuat penambahbaikan perkhidmatan bantuan bagi membantu masyarakat.

Ryan dan Deci (2000) turut mengaitkan kesejahteraan psikologi dengan keperluan individu dalam proses mencari dan mencapai kesempurnaan diri. Motivasi manusia adalah bersifat autonomi disebabkan persepsi dan pencapaian motivasi bagi setiap manusia adalah berbeza dan individu hanya akan mencapai tahap kesejahteraan yang baik jika keperluan asas psikologi mereka dipenuhi. Mereka menyatakan bahawa motivasi mempengaruhi kesejahteraan psikologi dalam sesuatu konteks sosial seperti persekitaran kerja, sekolah ataupun rumah. Pada masa yang sama, kesejahteraan individu yang negatif disebabkan kegagalan memenuhi dimensi seperti motivasi, integriti dan kepuasan hidup atau kesejahteraan psikologi. Walau bagaimanapun, individu yang ingin memberi motivasi kepada orang lain perlulah berusaha, mempunyai komitmen dan berprestasi tinggi (Ryan, 2009).

Kajian lain turut memperlihatkan bahawa tekanan psikologi adalah dari kemusnahan dan kehilangan sumber bernilai yang menyebabkan gangguan untuk meneruskan hidup (O'Neill et al., 1999). Dapatan kajian mereka telah menjelaskan bahawa semakin besar jumlah kemusnahan sumber yang dihadapi oleh mangsa, maka semakin besar tekanan yang dihadapi oleh mangsa. Kemusnahan harta benda menyebabkan mangsa terpaksa bekerja keras untuk membangunkan ekonomi semula. Selain itu, kehilangan rumah, pekerjaan dan tidak pasti hala tuju hidup menambahkan kerisauan mangsa untuk meneruskan hidup. Kesannya dari kemusnahan ini menyebabkan mangsa mengalami tekanan yang berpanjangan dan tidak dapat mencapai tahap kesejahteraan psikologi yang baik (Abaya et al., 2009). Kajian oleh Chae, Tong, Rhee dan Henderson (2005) di Korea turut mendapati hal yang sama iaitu banjir telah menyebabkan tanah runtuh sehingga menjejaskan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan. Banjir besar yang melanda menyebabkan tumbuh-tumbuhan musnah dan kapal-kapal menangkap ikan dihempas badai akibat angin kuat. Hasil kajian menunjukkan mangsa yang terdedah kepada banjir mengalami gejala psikologi negatif yang tinggi seperti tekanan, kebimbangan, kemurungan, serta masalah kesihatan berbanding mangsa yang berada di kawasan yang tidak terdedah dengan banjir.

Seterusnya, Tunstall, Tapsell, Green, Floyd dan George (2006) turut mengukuhkan lagi pandangan bahawa mangsa yang terlibat dengan banjir akan mengalami kesan kesejahteraan psikologi dalam jangka masa yang panjang. Kajian mereka mendapati mangsa banjir telah mendapatkan khidmat pegawai kesihatan bagi memeriksa adakah mereka mempunyai tekanan psikologi akibat banjir dan sebahagian responden tersebut telah dikenal pasti mempunyai tekanan psikologi seperti ketakutan, tekanan dan gangguan tidur akibat banjir. Walaupun kejadian banjir berlaku dalam jangka masa yang singkat, namun ia memberi kesan psikologi pada jangka masa yang panjang.

Kesan banjir turut bergantung kepada faktor demografi, sosioekonomi dan tahap kemusnahan yang dihadapi oleh mangsa dimana semakin besar kemusnahan yang dihadapi, maka semakin teruk kesan kesejahteraan psikologi yang dihadapi (Du et al., 2010).

Adeola (2009) menyatakan kejadian bencana seringkali mengakibatkan perubahan tekanan psikologi dan sosial mangsa. Hujah ini dibuktikan dengan kajian yang dijalankan oleh Adeola dan Picou (2012) iaitu selain mengalami gejala tekanan, kebimbangan dan kemurungan, mangsa yang terjejas juga mengalami masalah dalam perhubungan peribadi serta risau akan kehidupan selepas bencana. Isu kesejahteraan psikologi juga menjadi isu utama yang paling serius dalam bencana banjir taufan Katrina di Amerika Syarikat (Osofsky et al., 2011).

Di Bangladesh, kajian oleh Shimi, Parvin, Biswas dan Shaw (2010) mendapati kesan banjir seperti sumber makanan dan air bersih yang terhad menyebabkan mangsa mengalami tekanan psikologi dan tiada pilihan lain selain menangani masalah yang ada dengan membuat inovasi sendiri agar keperluan asas mencukupi untuk meneruskan kehidupan. Namun, hal ini akan menyebabkan mangsa terdedah kepada bahaya persekitaran disebabkan tiada motivasi dari orang yang lebih berpengetahuan untuk memberi maklumat mengenai kebersihan. Mangsa melaporkan sering kekurangan zat makanan, mengalami cirit birit, jangkitan mata dan kulit akibat sumber air bawah tanah yang mengalami pencemaran akibat banjir. Oleh itu, peranan komuniti luar atau pihak yang lebih berpengetahuan perlu membimbing atau memotivasi mangsa agar kesihatan dan kesejahteraan mereka terjamin (Shimi, et al., 2010).

Kejadian banjir di Hanoi, Vietnam turut memberikan kesan kesejahteraan psikologi kepada mangsa. Bich, Quang, Ha, Hanh dan Guha-Sapir (2011) telah membahagikan kesan banjir kepada tiga tahap iaitu kesan serta merta pada tahap pertama seperti lemas, jangkitan wabak, jangkitan penyakit kulit dan jangkitan pada sistem pernafasan. Manakala tahap kedua ialah kecederaan, keracunan, kesejahteraan psikologi yang menurun, penyakit berjangkit dan kelaparan. Tahap ketiga pula merupakan kesan jangka panjang iaitu tahap kesejahteraan psikologi yang lemah, penyakit kronik serta penyakit yang berkaitan kemiskinan seperti kekurangan zat makanan. Dengan menggunakan kaedah temu bual terhadap 871 mangsa sebulan selepas banjir, kajian mendapati mangsa mengalami masalah kesejahteraan psikologi yang teruk berpunca dari kelemahan perkhidmatan kesihatan. Kesihatan dan kesejahteraan psikologi merupakan kesan jangka panjang terhadap mangsa banjir dan perlu diberi perhatian kerana ia akan berlanjutan berbanding penyakit lain.

Berdasarkan kajian lepas, tidak dinafikan bahawa bencana banjir sememangnya akan memberi kesan jangka panjang terhadap psikologi mangsa. Dari sudut bantuan terhadap mangsa, Roudini, Khankeh dan Witruk (2017) menyatakan selain bantuan kewangan dan kesihatan yang boleh diberikan bagi mencegah gejala tekanan psikologi dalam jangka masa yang panjang, persediaan psikologi seperti kaunseling dan perkhidmatan terapi juga penting untuk diberikan agar mangsa dapat menghadapi kesan bencana dengan lebih positif. Namun, semakin banyak literatur mendapati persediaan psikologi seperti model kesihatan psikologi, program persediaan banjir dan komponen kesihatan psikologi juga amat kurang dilaksanakan oleh sarjana lepas, sedangkan kajian kesihatan mental adalah penting. Oleh itu, pihak kerajaan perlu menjadi responder yang cepat dan cekap dalam memberi tindak balas berkaitan bencana terhadap mangsa agar mangsa terhindar dari trauma dan sentiasa membuat penyelidikan bagi menambahbaik perkhidmatan bantuan kepada mangsa banjir (Shepherd, McBride, & Lovelock, 2017). Selain itu, semua pihak termasuk pihak kerajaan juga harus memainkan peranan utama dalam isu berkaitan kesejahteraan psikologi dan fizikal mangsa banjir bagi mengurangkan isu tekanan dan kesihatan mental mangsa disebabkan keadaan mangsa yang tidak berdaya untuk mencari bantuan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Nasar,

Inayat, Zulqarnain dan Khan (2016) bahawa pihak kerajaan dan bukan kerajaan harus memainkan peranan yang penting di dalam isu-isu yang berkaitan dengan bencana terutamanya isu yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan mangsa bencana seperti banjir kerana mangsa akan menjadi lemah dan tertekan serta tidak mampu untuk mencari bantuan.

Kajian berkaitan kesejahteraan psikologi sering dikaitkan dengan Teori Modal Sosial. Nieminen et al. (2010) menjelaskan bahawa kesejahteraan diri dan mental adalah berkait rapat dengan tahap penyertaan sokongan yang tinggi, rangkaian hubungan sosial, kepercayaan terhadap orang di sekeliling dan timbal balik antara individu dengan orang lain. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara elemen kepercayaan dan kesejahteraan psikologi individu dalam jangka masa yang panjang dimana semakin tinggi modal sosial, maka semakin tinggi tahap kesejahteraan psikologi individu. Individu yang mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap orang lain, akan meningkatkan tahap kebergantungan ketika berlakunya krisis dan secara tidak langsung tahap kesejahteraan psikologi mereka akan meningkat (Lee, Chung, & Park, 2016).

Di Malaysia, isu kesejahteraan psikologi setiap individu semakin dipandang serius oleh setiap lapisan masyarakat sehingga pihak kerajaan telah mengeluarkan Pengukuran Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia disebabkan kesihatan mental individu dilihat penting bagi membentuk negara yang mempunyai kelompok masyarakat seimbang seterusnya menjadi sebuah negara yang membangun disebabkan masyarakat mempunyai tahap kesejahteraan yang tinggi (Ruziati, 2018). Pengukuran Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia dibentuk dari lima dimensi penilaian iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsi psikologi dan kesejahteraan sosial. Pencapaian kesejahteraan yang baik adalah apabila masyarakat saling membantu setiap ahli di dalam sesuatu komuniti mencapai matlamat yang jelas, mempunyai keyakinan diri, mempunyai pandangan positif, mempunyai rasa kepunyaan dan juga mampu berada dalam masyarakat (Fatimah et al., 2010). Ia juga dinilai dari keseluruhan aspek kehidupan dan kegembiraan (Asmawati, Asmah, & Zaini, 2009). Lantaran itu, intervensi psikososial dalam bentuk bantuan dan sokongan psikologi adalah penting. Elemen utama bagi intervensi psikososial adalah konsep daya tahan dan penglibatan ahli komuniti dalam menyediakan sokongan psikososial untuk mengatasi isu-isu psikologi yang dihadapi oleh mangsa banjir (Noremy, 2020).

Secara keseluruhannya kajian yang diulas menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi mangsa bencana adalah amat penting. Ini kerana apa pun jenis bencana yang dialami oleh mangsa, ianya pasti akan mendatangkan kesan terhadap aspek psikologi. Elemen kesejahteraan psikologi tidak hanya dikaji dalam konteks bencana banjir tetapi mencakupi berbagai bentuk bencana dan melibatkan berbagai negara. Keseluruhan kajian yang dibincangkan menunjukkan kepentingan elemen kesejahteraan psikologi mangsa bencana.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu temubual secara berstruktur. Pemilihan reka bentuk kualitatif ini adalah kerana kaedah ini membolehkan informan menjelaskan sesuatu peristiwa secara mendalam, holistik berdasarkan situasi sebenar di samping membantu penyelidik untuk membentuk hubungan baik dengan informan terutama apabila melibatkan topik-topik yang sensitif seperti trauma dan sebagainya. Tambahan pula, kajian kualitatif lebih cenderung memberikan penekanan kepentingan nilai kemanusiaan dan huraian terhadap isu yang dikaji. Berdasarkan kepada justifikasi berkenaan, kaedah kualitatif wajar diaplikasikan dalam kajian ini.

Populasi dan Pensampelan

Populasi bagi kajian ini ialah mangsa bencana banjir di Negeri Kelantan yang telah dipindahkan semula di Kampung Telekung, Tanah Puteh dan Mukim Kenor. Kawasan ini adalah merupakan kawasan penempatan semula bagi mangsa bencana banjir pada tahun 2014. Terdapat sejumlah 341 buah rumah yang dibina oleh NGO, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama PUSPAKOM.

Sampel kajian dipilih secara bertujuan berdasarkan cadangan Patton (1990) iaitu *purposeful sampling* yakni memilih informan yang kaya dengan maklumat dan memenuhi kriteria tertentu. Informan dipilih secara bertujuan bagi tujuan kajian ini adalah berdasarkan kepada kriteria yang bertepatan dengan kajian iaitu (i) mengalami bencana banjir pada tahun 2014, (ii) ketua keluarga (suami atau isteri) dan (iii) menetap di penempatan semula kerana kehilangan harta benda terutamanya tempat penginapan. Sebelum temubual dilakukan, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan persetujuan dari informan, memohon kebenaran untuk merakam temubual bagi tujuan transkripsi serta memaklumkan tentang kerahsiaan maklumat yang diberikan.

Teknik pengumpulan data

Jumlah keseluruhan informan yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 23 orang. Jumlah ini didapati setelah pengkaji mengambilkira ketepatan data terjadi apabila informan mengulang-ulang jawapan yang sama sepertimana yang dicadangkan oleh Cresswell (2014). Ketepatan maklumat adalah penting dan perlu diberi keutamaan. Temubual berjalan selama 45-60 minit bagi setiap informan. Sepanjang proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan perakam suara untuk merekod maklumat yang diperolehi. Perakam suara adalah instrumen terbaik dalam kajian kualitatif kerana bukan sahaja melancarkan proses temu bual, malah membantu pengkaji lebih fokus untuk menemu bual responden serta mencatat maklumat penting. Persediaan kelengkapan perakam suara seperti disediakan lebih awal untuk mengelakkan gangguan bekalan kelengkapan perakam suara. Hasil temu bual yang direkodkan disemak oleh pengkaji dan dianalisa untuk mendapatkan maklumat kajian.

Protokol Temubual

Setelah persoalan dan objektif kajian ditentukan, pengkaji membina protokol temubual yang mengandungi 7 soalan utama untuk ditanya kepada informan. Soalan berkenaan dibina berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan subjek kajian serta selaras dengan objektif kajian. Temubual berstruktur dipilih kerana format ini membantu pengkaji untuk mengawal sesi temubual agar tidak tersasar dan mengawal rinforman dari memberi maklumat yang tidak berkaitan.

Antara soalan yang ditanya ialah:

1. Apakah anda masih mengingati tragedi banjir besar pada tahun 2014? Boleh ceritakan bagaimana mula? Apa yang terjadi? Berapa ramai yang terlibat? Perasaan ketika itu?
2. Apakah antara peristiwa-peristiwa yang paling penting ketika banjir berkenaan yang masih anda ingat sehingga hari ini? Boleh ceritakan? Kenapa? Apa kesannya?
3. Apa perasaan anda sekiranya mengingati peristiwa berkenaan?
3. Bagaimanakah anda mengatasi trauma yang anda alami/rasai selepas bencana banjir berkenaan? Adakah ianya berkesan? Siapa yang membantu anda untuk mengatasi trauma?

Analisis data

Data yang diperoleh hasil daripada temu bual bersama informan seterusnya dianalisis menggunakan analisis tema. Analisis data merangkumi aktiviti menyusun, memilih, mengabung dan menjadualkan maklumat yang berguna daripada hasil data yang diperolehi. Pembentukan tema dan subtema dilakukan berdasarkan kepada kajian lepas dan andaian teori. Bagi memastikan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian ini, pelbagai pusingan ujian kebolehpercayaan antara-koder dilakukan sebelum proses pembentukan tema akhir diterima. Keputusan keputusan jurukod telah diperiksa antara satu sama lain dan indeks peratus kesepakatan Holsti's (1969). Keputusan telah menghasilkan kesepakatan lebih dari .70, iaitu tahap yang boleh diterima oleh konvensional. Bagi tujuan perbincangan kertas kerja ini, tema yang dibincangkan ialah menjerus kepada psikososial negatif dan positif yang dialami oleh informan. Subtema yang dibentuk bagi psikososial negatif ialah tekanan, kesedihan dan kebimbangan. Manakala subtema psikososial positif ialah redha, syukur dan sokongan sosial.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Sejumlah 23 orang informan terlibat dalam temubual yang dilakukan untuk meninjau dengan lebih mendalam kesejahteraan psikologi mangsa bencana. Jadual 1 menunjukkan aspek demografi informan kajian. Dari segi profil informan, seramai 13 orang adalah lelaki dan 10 orang informan perempuan. Kesemua informan berbangsa Melayu, beragama Islam dan telah mengalami bencana banjir beberapa kali. Majoriti informan lelaki bekerja sendiri manakala wanita merupakan surirumah. Dari segi pendapatan, rata-ratanya berpendapatan kurang dari RM1000.00 sebulan. Faktor utama informan berpindah ke kawasan penempatan semula adalah rumah dan harta benda dihanyutkan oleh banjir dan masalah pemilikan tanah untuk pembinaan semula rumah.

Jadual 1: Demografi Informan

R	Jantina	Umur	Bangsa	Pekerjaan
1	Perempuan	43	Melayu	Pembantu Kedai
2	Lelaki	52	Melayu	Kerja kampung
3	Perempuan	48	Melayu	Surirumah
4	Perempuan	51	Melayu	Surirumah
5	Perempuan	50	Melayu	Surirumah
6	Lelaki	63	Melayu	Pemandu
7	Lelaki	59	Melayu	Berniaga
8	Lelaki	43	Melayu	Kerja Kampung
9	Perempuan	39	Melayu	Berniaga
10	Lelaki	47	Melayu	Kerja Kampung
11	Perempuan	40	Melayu	Surirumah
12	Lelaki	56	Melayu	Petani
13	Lelaki	41	Melayu	Petani
14	Lelaki	38	Melayu	Kerja Kampung
15	Lelaki	59	Melayu	Tukang Rumah
16	Lelaki	44	Melayu	Petani
17	Perempuan	47	Melayu	Berniaga
18	Perempuan	63	Melayu	Surirumah
19	Lelaki	55	Melayu	Kalendan

20	Lelaki	54	Melayu	Kedai runcit
21	Perempuan	49	Melayu	Surirumah
22	Lelaki	53	Melayu	Kerja Kampung
23	Perempuan	49	Melayu	Suri rumah

Kesejahteraan Psikologi Negatif

Tema utama yang dikenalpasti dalam kajian ini ialah kesejahteraan psikologi positif dan negatif yang dialami oleh mangsa apabila mereka diminta untuk mengingati semula bencana banjir yang dialami. Kesejahteraan psikologi negatif adalah secara umumnya kesan emosi negatif yang dialami oleh individu berkenaan. Ini sejajar dengan kajian oleh Phifer dan Noris (1989) yang mendapati gejala psikologi negatif yang dialami oleh individu ialah tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Salah satu dari punca kepada perasaan berkenaan menurut pengkaji ialah terpaksa berpindah kerana kehilangan tempat tinggal.

Sub tema kepada gejala kesejahteraan psikologi negatif yang dikenalpasti dalam kajian ini ialah tekanan, kesedihan dan kebimbangan. Ketiga-tiga aspek ini dibuktikan berdasarkan kepada petikan berikut:

i) Tekanan

Tekanan yang dirasakan oleh responden adalah merupakan elemen emosi negatif yang dikaitkan dengan kesejahteraan psikologi yang rendah (Bradburn, 1969) dan digambarkan seperti berikut:

Rumah tu runtuh la...Jatuh...Tak dak tiangla...dia jatuh duk bawah... **Stress la jugok... Kita fikir ni lepas ni kita nak duk mana?** Rumah nak duduk mana...barang-barang tak boleh ambik kita tak fikir sangat pun...**kita duk fikir lepas ni kita nak duk mana...**rumoh tak dak semua...**Dalam seminggu dua tu tak dak la duk fikir benda tu.** Cuma fikir kita nak duk mana lepas ni...Cumanya lepas pada tu bantuan memang banyak.. Tempat duduk ghapo tu..ada la orang beri...khemah macam tu...Jadi kita duduk sementara tempat tu...sementara deme cari tempat molek sikit deh...(Informan 18; Sungai Daun)

Lepas orang mari ambik tu..gi sekolah..dah tu rumah pun gi lahh..Haa....Hanyut gi... Hanyut dalam air...Haaa....aiii..tak dok la... Tak dak rasa ghana-ghana...besa... Selalu banjir2010 ka ...2010 keno dah sekali...**Teryak jugak....** Hok ni yang paling besar nyaa...Paling besar...(Informan 19; Kampung Telekong)

Kalau musim banjir kita ingat lahh..kalau hujan lebat-lebat tu kita ingat la...benda tu berlaku dengan tiba-tiba...Masa banjir dulu..air tiba-tiba naik..dengan suami dengan mak mertua...pindah...lalu ikut..jeberang air...kejap ja air naik...sabar jelah...banyakkan selawat...musim banjir kita rasa takut la..tapi sekarang Alhamdulillah lah...(Informan 11; Kampung Telekung)

Tak ingat dak...ngeri sangat, stres...mace jadi tu sekelip mato.... Air masuk ke dalam rumah paling takut. Luar biasho... Air tu ore kato mace sekelip mato...masuk dalam bilik tu musing dah air...dengar air tu..rumah kak tepi sungai..biasa kak tak rajin sampai...tinggi kan...orang duk kato tak sampai belako...sapa yang pernah duk sini...kita pun tak lorat la...tengok air dulu deh... Bilo

serat huje tu..dalam pukul 9 ka pukul berapa...air besar...dah tu mula dah tenggele di sana. **Takut..** (Informan 21; Pulau)

ii) Kesedihan

Dari segi kesedihan, informan lebih berkecenderungan untuk menggambarkan perasaan sedih atas kehilangan yang mereka alami ketika banjir. Kesedihan juga merupakan elemen emosi yang dirasakan oleh mangsa dan perlu diambilkira oleh pihak yang berkenaan kerana perasaan ini akan dialami oleh mangsa untuk tempoh masa yang panjang. Ini sejajar dengan pandangan Ahern, Kovats, Wilkinson, Few dan Matthies (2005). Informan memerihalkan fenomena berkenaan misalnya berdasarkan petikan berikut: “Banjir tu **sedih jugak la...** Haaa...rumah hanyut...tinggal sehelai sepinggang tak dok ghapo...I: **Sedih la...** tak dok belako..” (Informan 1; Tanah Puteh)

“Air naik cepat...sebentar ja...parking tepi jalan timbul habis...air kuat...: **Lepas banjir tak dak rumah nak duk...** itulahhh. **Trauma** tu ...”(Informan 2; Kampung Telekung).

“...mestilah ingat kenangan tu...(ketawa), Masa balik-balik tengok barang dengan rumah runtuh...**sedih la...** Balik tu kita jangan la duduk rumah senyap-senyap ja kena keluar berkawan Keluar sembang-sembang” (Informan 3; Kampung Telekung).

“...masih ingat rumah hanyut. **Sedih sangat peristiwa tu...** tok leh lupo... Tak buat ghapo-ghapo...mugo kita bersyukur sebab ada anak-anak.. Kita redha jelah..kita orang Islam..ada tuhan...ada hikmat alik nu...(Informan 5; Pulau).

..walaupun banjir besar...kita tak sampai serupo ore lain..Tulah..tapi bila mari berfikir kita jadi **sedih jugok..** dengan barang-barang, rumoh, dengan kereto punoh...Memang nak pindah dari tempat dulu...**takut sero nak duk situ gak...** tok se dah alami gitu...tok se benda sama berulang...pas pado tengok rumoh kita tu...kak duk bawah bukit...air...turun denge laju... Dari atas bukit tu..denge air hok ni lagi...hok hujan tu...air huje masuk dalam rumoh kak ni...tak dok tempat nak duduk...air masuk cepat... Tinggal ja...Cuma masa tu kak bawak lari tv...pastu anak-anak bawak lari buku sekolah dia...dokumen penting gitu jalah...bilo tengok air hak laju gitu kok pesan ke anak-anok...pilih hak penting-penting ja...kain baju tak cara lagi... Demo kan sekolah..demo pilih hak sekolah demo lahh....(Informan 17; Sungai Durian).

iii) Kebimbangan

Kebimbangan yang merupakan salah satu dimensi yang signifikan di bawah kesejahteraan psikologi negatif turut digambarkan oleh informan. Elemen ini penting untuk dikenalpasti sejajar dengan pandangan (Few et al., 2004; Hajat et al., 2005; Vardoulakis et al., 2015) bahawa perasaan berkenaan mendatangkan kesan kesihatan mangsa banjir tetapi sering gagal untuk dikenal pasti. Kebimbangan berlaku kerana apabila terjadi tanda-tanda yang sama seperti yang telah dialami, informan merasa gusar sekiranya peristiwa yang sama berulang. Ini digambarkan oleh informan seperti berikut:

Kalau musim banjir kita ingat lahh..**kalau hujan lebat-lebat tu kita ingat la...** benda tu berlaku **dengan tiba-tiba...** Masa banjir dulu..air tiba-tiba naik..dengan suami dengan mak

mertua...pindah...lalu ikut..jeberang air...kejap ja air naik...**sabar jelah...banyakkan selawat...**musim banjir kita rasa takut la..tapi sekarang Alhamdulillah lah...(Informan 11; Kampung Telekung)

Rumah nak duduk mana...barang-barang tak boleh ambik kita tak fikir sangat pun...kita duk fikir lepas ni kita nak duk mana...rumoh tak dak semua...**Dalam seminggu dua tu tak dak la duk fikir benda tu. Cuma fikir kita nak duk mana lepas ni...**Cumanya lepas pada tu bantuan memang banyak.. Tempat duduk ghapo tu..ada la orang beri...khemah macam tu...Jadi kita duduk sementara tempat tu...sementara deme cari tempat molek sikit deh...(Informan 18; Sungai Daun)

Ingat.. Tak reti la nak cerita tapi ingat laa...**risaula apa...**tapi tak pandai la nak cerita...**ada pahit...ada manis...ada belako la...kenange tu tetap dihati jelahh...**Tu jelahhh...**Oo..meme la sedihh....semua ore pun sedih..**tak dok rumoh...kena duk dalam khemah...pastu duk dalam penempatan hok baru..gapo tu Mercy...hah...Mercy Malaysia tu khe...di perkampungan Mercy tu lah..kak duduk situ lahh...lepas duduk situ...2016 tu..buleh duduk rumah di sini la..di Telekung ni lahh...Penempatan hok baru nilahhh...empat tahun dah...duduk gitulahhh...Kawasan lepas banjir tu..**semua orang rasa sedih...lepas tu punca pendapatan tak dok..kita pulak kena sara keluarga..ada mok hat tua nak kena jaga...kak pulak sakit..sebelum ni kak sihat tak sakit lagu ni...**...(Informan 15; Kampung Telekung).

Kesejahteraan Psikologi Positif

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga elemen kesejahteraan psikologi positif yang dirasakan oleh informan. Ini sejajar dengan andaian teori yang dikemukakan oleh Bradburn (1969), Taylor dan Brown (1988), Ryff (1989) yang menyakan perasaan gembira merupakan pencapaian terbaik bagi kesihatan psikologi individu. Dalam konteks kajian ini tema kesejahteraan psikologi yang positif turut ditemui iaitu redha, syukur dan sokongan sosial sebagai strategi utama yang paling banyak diperkatakan oleh informan.

(i) Redha dan Bersyukur

Rasa sedih dan trauma yang dialami oleh informan diatasi dengan rasa redha dan bersyukur. Rata-rata informan mengatakan mereka redha atas ujian musibah yang menimpa mereka. Perasaan berkenaan digambarkan oleh informan seperti berikut:

A;aaa...Banjir besarla...air besar naik... Rumoh tenggele la...hanyut . Air naik sikit-sikit itulahh...air naik dengan cepat la... Male...male... Haa...male tu dia banjir dah... Air tu laju... Yelahh..**redho jelahh...terima jelah ujian Allah...nak marah tak leh nak marah sapa?** (Informan 4; Pasir Putih)

Ingat...ingat...Boleh bile sa..sa..lagi..**Masih ingat sekali gak...nyawa kito la...**tu jelah...ramai..bukan sorang... Haaa..gitu... tekanen...oo...tu..mace-mace lahh...mace-mace.. A'aa..**berdoa denge Tuhan la...**orang ramai kan...**kita pakat-pakat sembahyang hajat kan...**apo lah kan: A'aaa....seminggu... A'aa..seminggu...ada hujan...(Informan 7; Sungai Durian)

A'aaa.... **Sabar ghitu la...**selai sepinggan tak dak apa sepekara...duk dalam hujan...ha lahh dah lari

selai sepinggan...dah anak-anak pun lapar tak dak makanan Holah...fikir nyawa lahh....(Informan 9; Kampung Telekung)

Kalau musim banjir kita ingat lahh..kalau hujan lebat-lebat tu kita ingat la...benda tu berlaku dengan tiba-tiba...Masa banjir dulu..air tiba-tiba naik..dengan suami dengan mak mertua...pindah...lalu ikut..jeberang air...kejap ja air naik...sabar jelah...banyakkan selawat...musim banjir kita rasa takut la..tapi sekarang Alhamdulillah lah...(Informan 11; Kampung Telekung)

Banjir besar? Rumah tu tenggelam la...Ingat la air naik sikit-sikit...air naik dengan cepat la...Malam..Malam...pagi...malam tu dia banjir dah...pagi tu dia dah surut sikit dah...lepas tu yang ni..A'aaaa...Air tu lagu... **Redha jelahh...Terima jelah...tawakal jelahh....nak marah dok leh...nak marah sapa...(ketawa) (Informan 12; Tanah Putih)**

Trauma tu..kita...Allah s.w.t...kita kena mengadu...masalah kita ke Allah semata-mata...baru hati kita akan tenang...kita akan lapang..gitu lahhh...dengan jiran-jiran pun kita kena la berkawan tapi masalah kita ni kena mengadu dengan Allah saja...dia yang amat tahu...Kalau apa yang kita rasa...apa yang kita bisik dalam hati kita pun dia tahu...(Informan 15; Kampung Telekung).

Peristiwa paling penting? Yang paling ingat? **Kira hidup susah la..Dah khe..kita ni dale rumoh tu ja khe..semua barang-barang dan dokumen semua duk dalam rumah tu gak..bila dah hanyut..susoh la...ingat kesusah masa tu lahh...pastu gak..lepas rumah tu hanyut kita jadi memikir la...kita tinggal sehelai sepingge.. (Informan 23;Tanah Puteh)**

Atasi trauma tu? Hoilahh...macam usaho jugak la...tanya-tanya khe...macam mano kito nak tuntutan khe..haaa...dengan pemimpin kito la..gapo hak kita nk sebagai rakyat kan...guana nak royhak...nak gitahu nak atasi trauma tu...jale **hidup secaro biasa la...bukannya selalu kita kena gini...tapi meme berhat..tapi kita terimala..ni khe mace ujian...bukannya sokmo...lama sekali tu kita kena...jadi kena redhala..baru kita tak ingat mano lah.. (Informan 23;Tanah Puteh)**

ii) Sokongan sosial

Elemen psikologi yang negatif turut diseimbangkan dengan sokongan sosial yang diterima dari berbagai sumber seperti anak, jiran, pemimpin setempat dan sebagainya seperti mana yang diandaikan oleh Teori Modal Insan bahawa kesejahteraan diri dan mental adalah berkait rapat dengan tahap sokongan sosial, kepercayaan terhadap orang sekeliling, dan timbal balik hubungan dengan individu lain. Fenomena ini sepertimana yang digambarkan oleh informan seperti berikut:

...kalau tidak kita meme tak boleh nak memikir la...kita tak leh terima mula-mula tu memikir...Nak duk mano la nak duduk mano? **Memikir gitu..Anak mengaji lagi..tak dak yang boleh kija...semua duk mengaji belaka...Memikir lagi...boleh anak hat sulung...dia masa tu duduk dengan mokcik...Itulahhhh...fasal kita gi duduk rumoh kakok yang tak kena banjir tu...tahan sikit la sebab ramai-ramai...jadi 10 keluarga duduk rumoh dia...rumoh dia tak kena banjir...Holahh...dah adik-beradik pakat gi duduk situ la..dah jiran-jiran dekat tu pun tupe rumoh kakak..kakak mokcik ni baik...dah kita ni tak leh nak gi kot dale nu...sekat air...orang lain**

pindah ke sekolah...kita meminda...sewa..kalau adik lalu khe...kot situ tu...ada Duk tang situ lahh..sebelum tu pakat duduk situ...kita minta bangune situ...sedih tak sedih...fasal kakak tu duduk situ...kakak tu...ada 3 buah ja rumah kat situ yang tak hapus...**jadi pakat berimpun...dapur masuk dah dik...masa tu dik tak dak orang bagi bantuan...ore nak mari ganu...demo pun tak le mari...anak sedaro hak bos jpi nu kelik...rentas air dale...bawak kelik makanan...Dok...kakak moki ni baik...dia menanok sekali-sekali...panggil la...deme ni naik make...duk atas mano ada bendo...pas air pun tak dok...kita tadah air huje...pastu minta air dengan Shome...Mujor Shome tu baik..dia Cino...ambik air buat minum...buat air semayang...meme sedih la...api tak dak...air tak dak...masa tu anak sedaro mok cik...beranak kecik...tok laki dia duk kolumbo...budok kecik lagi..36 hari...mujor la tak deme tak gapo...**takpalah duduk dalam gelap..duduk dalam lilin. Lilin tu mok cik bagi dua la dengan anak sedaro** (Informan 22; Kampung Telekung).**

Anak-anak makcik balik...bawa pi Kuala Lumpur semua...Kurangkan...dia tak bagi ingat..pegi kat sana kan...semua anak-anak...orang pulak datang bagi bantuan..kawan-kawan anak-anak. Orang tahu kita ni kan...orang tu mari bagi kain baju semua tu...dalam dua minggu la duk Kuala Lumpur tu...semua tu barulah balik...teringat juga kat rumah ni kan...Anak-anak semua balik. Anak-anak upah orang cuci kan semua...cuci la..ambik la mana-mana yang boleh guna lagi kan...masa tu lah..anak-anak cakap tok sah rungsing...jangan duk memikir...biar...ni harta boleh cari balik...anak-anak semua nasihat la. Anak-anak la bagi semangat..tok sah bimbang...tok sah rungsing..asalkan kita semua selamat... (Informan 24; Sungai Durian)

Makanan cukuppp...makan selalu...moga abe tu kan duk tolong angkat barang-barang gi kawasan pendalaman tu khe...jadi deme beri barangan jugok...kira makanan tu cukup la tak putusla..walaupun ikan sadin dengan telur...Darurat punnn...Tak dok anak besar-besar blako dahh...anak dara.. Hurmm.. Keno redho la...Kalau kita tu pun tak leh balik doh...kena fikir macam...kena fikir macam kalau tuhan beri bala tu adalah rahmat dia...kito muhasabah diri kita sendiri...jadi kita redha la...tapi kalau kita fikir kita kecek gini sedih la...(Informan 21; Pulau)

KESIMPULAN

Kesejahteraan psikologi mangsa bencana merupakan satu elemen yang penting dalam pengurusan bencana kerana merupakan elemen yang tidak kelihatan jelas di mata kasar tetapi dirasakan oleh mangsa untuk satu tempoh masa yang lama. Ini sejajar dengan pandangan Roudini, Khankeh dan Witruk (2017) bahawa selain bantuan kewangan dan kesihatan yang boleh diberikan bagi mencegah gejala tekanan psikologi dalam jangka masa yang panjang, persediaan psikologi seperti kaunseling dan perkhidmatan terapi juga penting untuk diberikan agar mangsa dapat menghadapi kesan bencana dengan lebih positif. Ini terbukti dalam konteks kajian ini bahawa meskipun tragedi bencana yang dialami pada tahun 2014, informan masih lagi mengingati peristiwa berkenaan dan sekiranya terdapat tanda-tanda seperti hujan lebat, perasaan bimbang akan mengalami tragedi yang sama turut dirasakan. Kepentingan kesejahteraan psikologi mangsa bencana turut diperkatakan dalam andaian teori yang dibincangkan di bahagian awal seperti andaian Teori Kesejahteraan Psikologi Ryff (1989) dan Teori Penentuan Diri oleh Ryan dan Deci (2000). Teori-teori ini menekankan kepentingan keperluan psikologi individu untuk dipenuhi supaya individu berkenaan mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah mengenal pasti elemen kesejahteraan psikologi negatif dan positif yang dialami oleh mangsa bencana. Psikologi negatif yang dialami oleh mangsa bencana ialah tekanan, kesedihan dan kebimbangan. Elemen negatif ini diseimbangi dengan psikologi positif iaitu redha, bersyukur dan mendapat sokongan sosial. Usaha individu ini sejajar dengan pandangan oleh Ryan (2009) bahawa meskipun mangsa bencana mengalami trauma, individu yang ingin memberi motivasi kepada orang lain untuk mengatasi trauma yang dialami perlulah berusaha, mempunyai komitmen dan berprestasi tinggi. Berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini, kajian ini mendapati informan menekankan kepada elemen keagamaan sebagai salah satu bentuk psikologi positif iaitu redha dan bersyukur di samping mendapat sokongan dari orang lain.

Penempatan semula dikawasan bebas banjir mungkin merupakan faktor penyumbang kepada elemen kesejahteraan psikologi positif kerana menurut Gibson (2006) dan Abaya, Mandere, dan Ewald (2009) kemusnahan dan kehilangan menyebabkan mangsa mengalami tekanan yang berpanjangan. Tindakan memberikan penempatan yang baru dapat menyumbang kepada mengurangkan tekanan yang dialami oleh mangsa bencana dalam konteks kajian ini di samping keperluan terhadap persediaan psikologi seperti yang dicadangkan oleh Roudini, Khankeh dan Witruk (2017) dan Shepherd, McBride dan Lovelock (2017).

Kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan teori berkaitan dengan kesejahteraan psikologi mangsa bencana. Teori ini membuktikan konsep kegembiraan adalah penting seperti yang diandaikan oleh Bradburn (1969) serta Taylor dan Brown (1988). Kajian ini turut membuktikan dua kesan iaitu kesan positif dan kesan negatif yang diandaikan oleh mereka. Dalam konteks ini, penelitian lanjut perlu dilakukan untuk mengenalpasti tahap kesejahteraan psikologi yang dialami dengan lebih mendalam. Ini kerana melalui pengetahuan terhadap kesejahteraan psikologi mangsa bencana mampu menyerlahkan potensi sebenar kehidupan individu kearah pencapaian kehidupan yang lebih baik (Ryff (1989).

Kajian ini mempunyai kekangan yang tersendiri. Antaranya ialah informan yang terlibat hanyalah mereka yang mengalami bencana banjir yang mungkin implikasinya berbeza dengan jenis bencana yang lain. Informan yang dikaji hanya melibatkan mangsa bencana banjir pada tahun 2014 yang tinggal di Negeri Kelantan dan dipindahkan ke kawasan penempatan semula. Kajian akan datang perlu dilakukan di lokasi yang lain bagi mengenalpasti kesejahteraan yang lebih menyeluruh.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Utara Malaysia yang membiayai penyelidikan ini di bawah Dana Geran Khas Universiti (Kod S/O 14328).

RUJUKAN

- Asmawati, D., Asmah, A., & Zaini, S. (2009). Kesejahteraan psikologi orang asli di Pertak dan Gerachi Jaya. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23, 19–25.
- Abaya, S. W., Mandere, N., & Ewald, G. (2009). Floods and health in Gambella region, Ethiopia: A qualitative assessment of the strengths and weaknesses of coping mechanisms. *Global Health Action*, 2(1), 1–10.
- Adeola, F. O. (2009). Mental health & psychosocial distress sequelae of Katrina: An empirical study of survivors.

Human Ecology Review, 16(2), 195–210.

- Adeola, F. O., & Picou, J. S. (2012). Race, social capital, and the health impacts of Katrina: Evidence from the Louisiana and Mississippi Gulf Coast. *Human Ecology Review*, 19(1), 10–24.
- Ahern, M., Kovats, R. S., Wilkinson, P., Few, R., & Matthies, F. (2005). Global health impacts of floods: Epidemiologic evidence. *Epidemiologic Reviews*. <https://doi.org/10.1093/epirev/mxi004>
- Bradburn, N. M. (1969). *The structure of psychological well-being*. Aldine.
- Bich, T. H., Quang, L. N., Ha, L. T. T., Hanh, T. T. D., & Guha-Sapir, D. (2011). Impacts of flood on health: epidemiologic evidence from Hanoi, Vietnam. *Global Health Action*, 4(1), 6356.
- Chae, E. H., Tong, W. K., Rhee, S. J., & Henderson, T. D. (2005). The impact of flooding on the mental health of affected people in South Korea. *Community Mental Health Journal*, 41(6), 633–645.
- Che Su, M., Najib, A.M., Mohd Sukeri, K., Mohd Foad, S., & Sapora, S. (2018). Understanding Malaysian Malays communication characteristics in reducing psychological impact on flood victims. *Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 20-36.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dai, W, Kaminga A.C, Tan, H, Wang, J, Lai, Z, Wu X, et al. (2017) Long-term psychological outcomes of flood survivors of hard-hit areas of the 1998 Dongting Lake flood in China: Prevalence and risk factors. *PLoS ONE* 12(2): e0171557. doi:10.1371/journal.pone.0171557
- Diener, E., & Seligman, M. E. P. (2002). Very happy people. *Psychological Science*, 13(1), 81–84.
- Du, W., Fitzgerald, G. J., Clark, M., & Hou, X. Y. (2010). Health impacts of floods. *Prehospital and Disaster Medicine*, 25(3), 265–272.
- Fatimah, O., Ariftn, H. Z., Asmawati, D., Hasnah, A., Fuad, M. J., & Mustaffa, O. (2010). Nilai indeks kesejahteraan psikologi dan modal insan penduduk di Wilayah Ecer. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 24, 3–11.
- Few, R., Ahern, M., Matthies, F., & Kovats, S. (2004). Floods, health and climate change: A strategic review. In *Tyndall Centre for Climate Change Research* (Issue November). http://www.tyndall.ac.uk/publications/working_papers/wp63_summary.shtml%5Cnhttp://tyndall.ac.uk/sites/default/files/wp63.pdf
- Hajat, S., Ebi, K. L., Kovats, R. S., Menne, B., Edwards, S., & Haines, A. (2005). The human health consequences of flooding in Europe: A review. *Applied Environmental Science and Public Health*, 18, 185–196.
- Huppert, F. A. (2009). Psychological well-being: Evidence regarding its causes and consequences. *Applied Psychology: Health and Well-Being*, 1(2), 137–164.
- Keyes, C. L. M., Shmotkin, D., & Ryff, C. D. (2002). Optimizing well-being: The empirical encounter of two traditions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82(6), 1007–1022.
- Lee, S., Chung, J. E., & Park, N. (2016). Linking cultural capital with subjective well-being and social support: The role of communication networks. *Social Science Computer Review*, 34(2), 172–196.
- Leon, K. A., Hyre, A. D., Ompad, D., DeSalvo, K. B., & Muntner, P. (2007). Perceived stress among a workforce 6 months following hurricane Katrina. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*. <https://doi.org/10.1007/s00127-007-0260-6>
- McFarlane, A. C., & Williams, R. (2012). Mental health services required after disasters: Learning from the lasting effects of disasters. In *Depression Research and Treatment*. <https://doi.org/10.1155/2012/970194>
- Misund AR, Nerdrum P, Braten S, Pripp AH, Diseth TH. Long-term risk of mental health problems in women experiencing preterm birth: a longitudinal study of 29 mothers. *Ann Gen Psychiatry*. 2013; 12 (1):33.
- Nasar, A., Zulqarnain, S., Inayat, A., & Khan, M. N. S. (2016). Stress reaction and Post-traumatic stress disorder among flood victims of Lahore-Pakistan and role of community (ROC). *The International Journal of*

Psychosocial Rehabilitation, 20(2), 75-84.

- Neria Y, Olfson M, Gameroff MJ, DiGrande L, Wickramaratne P, Gross R, et al. Long-term course of probable PTSD after the 9/11 attacks: a study in urban primary care. *J Trauma Stress*. 2010; 23 (4):474–82.
- Nieminen, T., Martelin, T., Koskinen, S., Aro, H., Alanen, E., & Hyypä, M. T. (2010). Social capital as a determinant of self-rated health and psychological well-being. *International Journal of Public Health*, 55(6), 531–542.
- Noremy Md. Akhir. (2020). A Review On The Psychological Issues and Psychosocial Intervention: Flood Disasters in Malaysia. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*. 24, 4337-4349.
- Osofsky, H. J., Osofsky, J. D., Arey, J., Kronenberg, M. E., Hansel, T., & Many, M. (2011). Hurricane Katrina's first responders: The struggle to protect and serve in the aftermath of the disaster. *Disaster Medicine and Public Health Preparedness*, 5(2), S214–S219.
- O'Neill, H. K., Evans, B. a., Bussman, M. D., & Strandberg, D. K. (1999). Psychological distress during the Red River flood: Predictive utility of the Conservation of Resources model. *Applied Behavioral Science Review*. [https://doi.org/10.1016/S1068-8595\(00\)80016-1](https://doi.org/10.1016/S1068-8595(00)80016-1)
- Phifer, J. F., & Norris, F. H. (1989). Psychological symptoms in older adults following natural disaster: Nature, timing, duration, and course. *Journals of Gerontology*, 44(6). <https://doi.org/10.1093/geronj/44.6.s207>
- Patton, M. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (pp. 169-186). Beverly Hills, CA: Sage.
- Rohani, N. (2015, January 2). Buletin Utama TV3 [Siaran Televisyen]. Seri Pentas Bandar Utama, Petaling Jaya Malaysia: Media Prima.
- Roudini, J., Khankeh, H. R., & Witruk, E. (2017). Disaster mental health preparedness in the community: A systematic review study. *Health psychology open*, 4(1), 2055102917711307.
- Ruziati, M. A. A. (2018). *Indeks kesejahteraan psikologi Malaysia*. <https://ikpm.jpa.gov.my/preamble>
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *The American Psychologist*. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.55.1.68>
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069–1081.
- Ryff, C. D., & Singer, B. H. (2008). Know thyself and become what you are: A eudaimonic approach to psychological well-being. *Journal of Happiness Studies*, 9(1), 13–39. <https://doi.org/10.1007/s10902-006-9019-0>
- Schulz, R. (1976). Effects of control and predictability on the physical and psychological well-being of the institutionalized aged. *Journal of Personality and Social Psychology*. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.33.5.563>
- Shepherd, Daniel, McBride, D., & Lovelock, K. (2017). First responder well-being following the 2011 Canterbury earthquake. *Disaster Prevention and Management*. <https://doi.org/10.1108/DPM-06-2016-0112>
- Shimi, A. C., Parvin, G. A., Biswas, C., & Shaw, R. (2010). Impact and adaptation to flood: A focus on water supply, sanitation and health problems of rural community in Bangladesh. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 19(3), 298–313.
- Smith, V. (2010). Review article: Enhancing employability: Human, cultural, and social capital in an era of turbulent unpredictability. *Human Relations*, 63(2), 279–303. <https://doi.org/10.1177/0018726709353639>
- Taylor, S. E., & Brown, J. D. (1988). Illusion and well-being: a social psychological perspective on mental health. *Psychological bulletin*, 103(2), 193.
- Tunstall, S., Tapsell, S., Green, C., Floyd, P., & George, C. (2006). The health effects of flooding: Social research results from England and Wales. *Journal of Water and Health*, 4(3), 365–380.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Jabatan Perdana Menteri. 2015. Kertas Pembentangan daripada

Persidangan Pengurusan Bencana Banjir Kelantan 2015: Penyelesaian, Kerangka Kerja dan Pembangunan Lestari. Kubang Kerian, Kelantan: Universiti Sains Malaysia.

Vardoulakis, S., Dimitroulopoulou, C., Thornes, J., Lai, K. M., Taylor, J., Myers, I., Heaviside, C., Mavrogianni, A., Shrubsole, C., Chalabi, Z., Davies, M., & Wilkinson, P. (2015). Impact of climate change on the domestic indoor environment and associated health risks in the UK. *Environment International*, 85, 299–313.

Warr, P., Cook, J., & Wall, T. (1979). Scales for the measurement of some work attitudes and aspects of psychological well-being. *Journal of Occupational Psychology*, 52(2), 129–148.